

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HKB 401 Karya-karya Terpilih Dari Kesusasteraan Amerika Latin

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI
DALAM DUA (2) HALAMAN.

Jawap EMPAT (4) soalan, DUA (2) dari Bahagian A dan DUA (2) dari Bahagian B.

BAHAGIAN A

1. Pola penceritaan yang berlandaskan mayat amat ketara dalam "Big Mama's Funeral" dan "Good Bye Mother" tetapi mempunyai motif-motif yang jauh berlainan. Bincangkan.
2. "The Incredible and Sad Tale of Innocent Erendira and Her Heartless Grandmother" dapat disimpulkan sebagai sebuah fiksi yang berjaya mengadunkan unsur-unsur Realisme Magis dan Romantisme Magis. Bincangkan.
3. Impak epik dan didaktik terkesan dalam "One of These Days" dan "The Proof" tetapi terolah melalui langgam komposisi yang berlainan. Bandingkan.
4. "A Very Old Man With Enormous Wings" dan "The Handsomest Drowned Man in The World" dapat dikategorikan sebagai dua buah karya yang mempunyai unsur-unsur parodi politik. Bandingkan.

BAHAGIAN B

5. Berdasarkan kepada genre metafiksiyen historiografik, bincangkan bagaimana novel **One Hundred Years Of Solitude** dapat diangkat sebagai sebuah karya metafiksiyen pascamoden.
6. Cerpen "**Up Among The Eagles**" adalah sebuah karya daripada Kesusasteraan Pasca-Kolonial. Berdasarkan tema "pengasingan" (*exile*) bincangkan kenyataan ini.
7. **Memories of Underdevelopment** bukan sekadar satu rakaman pengalaman pengarang menjalani kehidupan di awal Revolusi Cuba 1959 tetapi juga merupakan satu kritikan politik dan sosial. Bincangkan.
8. Sejauh manakah teknik penulisan *nouveau roman* telah digunakan oleh pengarang untuk menghasilkan cerpen "**Woman In The Middle**" dan bagaimana cerpen ini dapat diketengahkan sebagai representasi kepada pergolakan sosial dan politik Amerika Latin.

--ooo000ooo--